

Proton e.MAS 5 Raih 3,000 Tempahan, e.MAS 7 Kekal Sebagai Pilihan Utama EV di Malaysia

EV Mampu Milik Pertama Malaysia Dapat Sambutan Hangat, Proton e.MAS 7 Terjual Sebanyak 6,655 Unit, Kekal No.1 Dalam Pasaran EV Sembilan Bulan Berturut-turut

Subang Jaya, 14 Oktober 2025 – PRO-NET, anak syarikat PROTON peneraju kepada pembangunan mobiliti elektrik, dengan bangganya mengumumkan bahawa Proton e.MAS 5, kenderaan elektrik mampu milik pertama di Malaysia, telah menerima 3,000 tempahan, termasuk 1,607 tempahan dalam tempoh 24 jam pertama selepas tempahan dibuka.

Kejayaan awal Proton e.MAS 5 memperkukuh keyakinan pasaran yang telah dibina oleh model terdahulunya, Proton e.MAS 7, yang terus mengungguli carta pasaran kenderaan elektrik (EV) di Malaysia sepanjang tahun 2025. Sehingga 30 September 2025, jumlah jualan kumulatif e.MAS 7 telah mencecah 6,655 unit, merangkumi 6,212 unit jualan domestik dan 443 unit eksport. Pencapaian ini mengekalkan kedudukan e.MAS 7 sebagai EV No.1 di Malaysia selama sembilan bulan berturut-turut, dengan penguasaan pasaran EV sebanyak 24%.

“Bulan ini menjadi detik bermakna buat kami, bukan sahaja kerana kejayaan jualan Proton e.MAS 7, tetapi juga sambutan luar biasa rakyat Malaysia terhadap e.MAS 5,” kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET. “Jumlah tempahan yang diterima melebihi jangkaan kami. PRO-NET amat berterima kasih atas kepercayaan rakyat Malaysia yang terus menyokong usaha kami dalam menghasilkan EV yang sesuai dengan keadaan jalan dan gaya pemanduan di Malaysia.”

Dengan kehadiran Proton e.MAS 5 tidak lama lagi, PRO-NET terus memperkukuh komitmennya untuk menawarkan kenderaan elektrik berkualiti dan berteknologi canggih pada harga mampu milik. EV segmen-B ini dijangka dijual pada anggaran harga antara RM60,000 hingga RM80,000, didatangkan dengan ciri, teknologi, dan pengalaman pemanduan yang setanding dengan kenderaan dalam lingkungan harga yang lebih tinggi.

Reka Bentuk Bandar Pintar, Ruang yang Luas & Praktikal Untuk Kegunaan Harian

Proton e.MAS 5 direka dengan bentuk luaran kompak segmen-B bagi memudahkan pemanduan dalam bandar dan juga menawarkan ruang dalaman setara segmen-C yang selesa. Ia dilengkapi dengan lantai di bahagian belakang yang rata, bukaan pintu belakang yang lebar, serta ruang simpanan fleksibel untuk kegunaan harian dan perjalanan hujung minggu.

Ciri pintar seperti paparan utama FHD 14.6 inci, sistem operasi ATLAS Auto OS, sambungan tanpa wayar Android Auto dan Apple CarPlay, serta aplikasi Proton e.MAS App menjadikan pengalaman pemanduan lebih mudah diakses.

Dengan jarak pemanduan WLTP sehingga 325 km, keupayaan pengecasan pantas, serta kos penyelenggaraan dan penggunaan yang jauh lebih rendah berbanding kenderaan petrol, e.MAS 5 menjadi pilihan ideal untuk pemanduan harian di bandar, perjalanan ke sekolah, dan gaya hidup moden.

Proton e.MAS 5 Kini di Bilik Pameran Pengekar di Seluruh Negara

Pelanggan yang ingin melihat dan merasai sendiri pengalaman memandu Proton e.MAS 5 EV Mampu Milik Pertama Malaysia boleh mengunjungi bilik pameran Proton e.MAS bermula 17 Oktober 2025. Orang ramai digalakkan untuk menghubungi bilik pameran pengekar yang berhampiran bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Tempah Proton e.MAS 5 Anda Hari Ini Dengan Hanya RM99 dan Nikmati Ganjaran Eksklusif*

Tempahan Proton e.MAS 5 kini dibuka. Pelanggan boleh mendaftarkan minat melalui laman web rasmi Proton e.MAS atau terus membuat tempahan di mana-mana 30 pengekar Proton e.MAS di seluruh negara.

Dengan hanya bayaran tempahan RM99*, pelanggan layak menikmati tawaran eksklusif kepada pelanggan terawal seperti berikut:

- Kad Proton e.MAS Touch 'n Go NFC edisi terhad yang telah diisi dengan RM100
- Rebat RM500 yuran tempahan

* Tertakluk kepada terma & syarat

** Tawaran ini sah untuk 5,000 pelanggan pertama yang berjaya membuat pendaftaran rasmi e.MAS 5.

Layari laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami untuk perkembangan terkini: [Facebook](#) (Proton e.MAS Cars), [Xiaohongshu](#) (Proton e.MAS Cars), [TikTok](#) (@protonemasofficial), dan [Instagram](#) (@protonemasofficial) untuk keterangan lanjut.

#PROTONeMAS5 #MostAffordableEV #FreedomThatElectrifies #OwnYourSpace

-TAMAT-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu di Malaysia, merupakan sub-jenama di bawah PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam memperkasa penerimaan kenderaan elektrik (EV) serta membangunkan ekosistem jenama ini, Proton e.MAS komited untuk menerajui peralihan ke arah mobiliti lestari dengan dedikasi terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengekar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, serta ekosistem yang menyokong memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman pemilikan yang lancar dan memuaskan. Selaras dengan misi syarikat induk, PROTON, Proton e.MAS bertekad untuk INSPIRING CONNECTION dengan terus menyampaikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan Piawaian Antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan secara rasmi pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581
Email: salawati@proton.com

Christopher Ng
Manager, PR & Communications
Telephone: +6012-818 7597
Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran
H/Advisors Klareco
Telephone: +6014 345 2006
Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global